



Ruj.Kami : JBPM.IP.OPS:600-5/13 (24)
Tarikh : 20 Mac 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato'/Datu/Tuan,

PEMANTAPAN TAKTIKAL PEMADAMAN KEBAKARAN DAN KESELAMATAN KEBAKARAN BANGUNAN

- ***Memfaatkan Buku Operasi Bomba (BOB) dalam Pre-Incident Plan (PIP) & Incident Action Plan (IAP).***

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana yang sedia maklum bahawa kejayaan pemadaman kebakaran banyak bergantung kepada strategi dan taktikal pemadaman serta penguasaan ilmu berkaitan dengan penggunaan Pepasangan Keselamatan Kebakaran di bangunan.
3. Strategi dan taktikal tersebut boleh dirancang lebih awal semasa penyediaan *Pre-Incident Plan (PIP)*, manakala akan dipraktikkan sebagai *Incident Action Plan (IAP)* di tempat insiden setelah dinilai (*size-up*) kesesuaiannya.
4. Buku Operasi Bomba (BOB) adalah antara sumber rujukan dan panduan penting untuk penyediaan PIP dan AIP. Oleh itu, bersama ini disertakan informasi "Kepentingan Buku Operasi Bomba Dalam Penyediaan PIP dan IAP" untuk bahan pembelajaran dan rujukan di peringkat balai sebagai pengisian program Latihan Dalam Balai (LDB). Semoga penggunaan BOB ini akan memantapkan lagi pelaksanaan PIP dan IAP oleh semua pasukan bomba yang menghadiri insiden kebakaran.

...2/-

'CEPAT DAN MESRA'



5. Sehubungan dengan itu, YS Dato'/Datu/Tuan diminta untuk memastikan BOB tersebut diagihkan mengikut ketetapan yang sewajarnya dan memanfaatkan penggunaannya untuk keberkesanan operasi pemadaman kebakaran.


Segala kerjasama dan perhatian YS Dato'/Datu/Tuan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TPjB NORDIN BIN PAUZI)

Pengarah

Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat

b.p Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

mhs/bobdalampip&iap/C:\desktop

s.k.:

- i. YAS Ketua Pengarah
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- iii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
- iv. Semua Pengarah Bahagian
- v. Ketua Unit Integriti

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
2. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kuala Lumpur
4. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
5. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
6. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
7. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
8. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
9. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
10. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
11. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
12. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
13. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
14. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
15. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri W.P Labuan
16. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri W.P Putrajaya
17. Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah
18. Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur
19. Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Utara
20. Komander Pangkalan Udara Wilayah Tengah
21. Komander Pangkalan Udara Wilayah Utara

“KEPENTINGAN BUKU OPERASI BOMBA DALAM PENYEDIAAN PIP DAN IAP”

Buku Operasi Bomba (BOB) merupakan dokumen yang disediakan oleh *Principal Submitting Person* (PSP) atau *Submitting Person* (SP) sebagai salah satu keperluan kebombaanan dalam proses pengeluaran Perakuan Keselamatan Bangunan oleh JBPM.

BOB ini hanya disyaratkan untuk bangunan tertentu sahaja, seperti mana arahan dari surat JBPM/PK0352/11/A (99) bertarikh 9 Jan. 1993, iaitu:-

- Bangunan hotel 5 tingkat dan/atau 50 bilik ke atas
- Kompleks Pejabat (*high rise*)
- Bangunan kilang yang mempunyai risiko tinggi (*petro-chemical*, kilang penapis minyak atau kilang yang berasaskan pengeluaran penggunaan bahan bahaya / toksid, *radio-active* dan lain-lain).
- Kompleks pasaraya / perniagaan (*hypermarket*, pusat-pusat komersil dan lain-lain).

BOB ini sewajarnya mempunyai pelbagai maklumat mengenai bangunan sepertimana berikut:-


- ✓ Kemudahan jalan masuk jentera bomba ke bangunan. (ditunjukkan dalam pelan tapak dan diwarnakan).
- ✓ Bilik Kawalan Bomba. (Ia perlu ditandakan atau diberikan juga maklumat kemudahan-kemudahan yang ada di dalamnya).
- ✓ ‘Smoke lobby / firefighting lobby’ (dengan sistem yang ada bersampingan dengannya).
- ✓ Lif Bomba. (perletakannya dan jumlahnya)
- ✓ ‘Main escape staircase’ yang terdapat dalam bangunan. (perletakkan, kemudahan yang diberikan padanya serta sistem yang dilengkapi)
- ✓ Jalan-jalan pelepasan keluar yang selamat setiap tingkat atau lantai.
- ✓ ‘Fire pump room’. (peletakkan dan peralatan kemudahan yang dilengkapi padanya)
- ✓ ‘Firefighting storage tank’. (Jumlah kapasiti bekalan, perletakkan dan akses padanya jika perlu)
- ✓ Rekabentuk bangunan mengikut pemetakan, guna dan simpanannya.
- ✓ Bahan-bahan yang disimpan, jenis, sifat, kemerbahayaan, jumlah kuantiti dan sebagainya.
- ✓ Sistem/alat kelengkapan pencegahan yang disediakan pada bangunan dan perletakkan serta cara tindakan.
- ✓ Cara tindakan menghadapi satu-satu insiden jika berlaku (khususnya untuk premis risiko tinggi) seperti tindakan pengosongan, tindakan awal pekerja serta pasukan bomba, pegawai yang bertanggungjawab boleh dihubungi oleh bomba untuk rujukan.

- ✓ Kemudahan-kemudahan sampingan yang disediakan oleh pihak pengurusan premis dalam menghadapi insiden-insiden luar jangka.
- ✓ Pelan-pelan lantai yang lengkap dengan penunjuk serta diwarnakan mengikut kesesuaian perkara dan maklumat berkaitan seperti kedudukan *hose reel*, pancur kering/basah, pili bomba, jalan keluar, lif bomba dan sebagainya.

Oleh yang demikian, BOB ini secara umumnya mengandungi pelbagai informasi ringkas bersama-sama dengan *building plan, diagram and schematic drawing* yang sudah semestinya amat berguna bagi penyediaan PIP. Proses penyediaan PIP akan lebih berkesan sekiranya dilaksanakan serentak dengan 'lawatan familiasasi' kepada premis / bangunan tersebut.

Sekiranya premis / bangunan tersebut adalah premis yang ditetapkan yang mempunyai Sijil Perakuan Bomba (*Fire Certificate*) maka *Fire Emergency Response Plan* (FERP) yang disediakan oleh Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK), merupakan dokumen gandingan kepada PIP yang disediakan oleh Pasukan Bomba. Kedua-dua dokumen PIP dan FERP ini adalah rujukan penting semasa kejadian kebakaran khususnya membantu *Incident Commander* membangunkan IAP.

PIP dan FERP yang baik akan membantu keberkesanan IAP, maka IAP perlulah diuji dan dipraktikkan melalui program latihan bersama atau *fire drill* yang dilaksanakan bersama dengan Pasukan Bomba dan OKK premis tersebut.




Dokumen BOB disediakan oleh *Principal Submitting Person* (PSP) dalam 3 salinan yang perlu diagihkan setiap salinan kepada:-

- ❖ Bahagian Keselamatan kebakaran
- ❖ Bahagian Operasi [diletakkan di Pusat Gerakan Operasi (PGO)]
- ❖ Balai Bomba dan Penyelamat (premis dalam kawasan jagaan balai)

BOB yang telah diterima awal oleh balai-balai bomba akan memberi peluang yang cukup untuk pegawai bomba menghayati dan menyediakan PIP (sebelum insiden) bagi menghadapi membantu IAP sekiranya berlaku insiden.

GAMBARAJAH menunjukkan PIP yang disediakan sebelum kejadian dan akan digunakan untuk IAP semasa insiden.



CONTOH BUKU OPERASI BOMBA

